

# USNO tidak perlu dibubar untuk elak di'curi'

KOTA KINABALU 21 Feb. —  
USNO tidak perlu dibubarkan  
bagi mengelak pihak-pihak lain  
'mencuri' namanya untuk ke-  
pentingan politik mereka, kata  
Dato' Sri Dr. Mahathir Moha-  
mad.

Beliau menambah, USNO ju-  
ga perlu dikekalkan kerana me-  
mandangkan ahli-ahli Dewan  
Undangan Negeri USNO (11)  
orang akan kehilangan ke-  
dudukan mereka jika mereka  
menyertai UMNO pada masa  
ini.

Mengikut undang-undang di  
sini, ahli Dewan Undangan Ne-  
geri yang bertukar parti politik  
akan kehilangan kerusinya.

Berucap di Perhimpunan  
Agung USNO hari ini, Dato' Sri  
Dr. Mahathir menarik perhatian  
bahawa 'Perikatan' — gabungan  
UMNO, MCA dan MIC — ma-  
sih hidup dan berdaftar dengan  
Pendaftar Pertubuhan atas se-  
bab yang sama.

Perdana Menteri berkata, be-  
liau sedar ahli-ahli USNO masih  
sayangkan parti mereka yang  
telah wujud selama 29 tahun.